

**PENGHAYATAN LEKA MAIN MELALUI AKTIVITI PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN JAKU IBAN DI BILIK DARJAH
[APRESIATION OF LEKA MAIN THROUGH TEACHING AND
LEARNING IBAN LANGUAGE IN CLASSROOM]**

Chemaline Anak Osup

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
chemaline@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Elemen estetik dan kesusasteraan suku kaum Iban telah diselitkan dalam mata pelajaran Jaku Iban (Bahasa Iban) di sekolah menengah. Ini adalah satu langkah untuk menarik dan mengekalkan minat pelajar terhadap kesusasteraan Iban dan meningkatkan kemahiran berbahasa Iban. Melalui elemen estetik dalam leka main (puisi rakyat) Iban, diharap dapat membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkeupayaan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri. Unsur yang dihayati dalam leka main termasuklah gaya bahasa, amanat, bentuk, nilai, keindahan, unsur budaya dan seumpamanya. Jenis-jenis leka main yang digunakan oleh guru ialah pantun, sangai, ganu, jawang, ramban, sugi, pelandai, dungai, wa' anak, renong, ai ansah, ensera, entelah, tanya indu, naku pala, timang, sampi, pelian, pengap dan sabak. Contoh aktiviti penghayatan yang dijalankan di dalam kelas ialah main peranan sebagai watak, melakonkan sebahagian daripada isu dalam puisi, melukis poster,

membuat word puzzle untuk isu-isu tertentu dalam puisi, menulis lagi puisi tentang isu yang dibincangkan dalam puisi, membuat teka-teki tentang isi puisi, mencipta permainan sebuah puisi, menulis sebuah temubual dengan watak utama dalam puisi naratif, memprosakan puisi, menulis semula sebahagian daripada puisi sebagai artikel dalam jurnal atau rencana (majalah sekolah) dan sebagainya. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penghayatan terhadap leka main dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti membaca leka main dengan sebutan dan intonasi yang sesuai, menyatakan pengajaran, memberi makna diksi, membaca dan mena'akul perkara yang tersurat dan tersirat, melengkapkan baris, mendeklamasi, menghurai aspek struktur, membina ayat puitis, menginterpretasi, memahami gaya bahasa, memahami tema dan mesej, mendengar dan mengenal nada serta menyoal untuk mendapatkan maklumat dan amanat dalam leka main. Pelajar-pelajar Iban telah dapat menghayati leka main dengan agak baik.
Kata Kunci: leka main, bahasa Iban, elemen estetik, puisi

ABSTRACT

Aesthetic elements and literature have been incorporated in Iban Language (Bahasa Iban) in secondary schools. This approach is initiated to attract and retain the students' interest towards Iban literature and to enhance speaking skills of the Iban language. It is hoped that through these aesthetic elements, the students will be harmoniously balanced intellectually, spiritually, emotionally and physically, as worthy citizens of Malaysia who are knowledgeable, all-rounded, well-mannered and honorable, responsible and capable of achieving good self well-being. The appreciated elements in leka main include language style, moral lessons, forms, values, aesthetical beauty, cultural elements and et cetera. The teachers taught several types leka main including pantun, sangai, ganu, jawang, ramban, sugi, pelandai, dungai, wa' anak, renong, ai ansah, ensera, entelah, tanya indu, naku pala, timang, sampi, pelian, pengap and sabak. Several activities enable the students to appreciate leka main such as role play, acting out part of the issues

in the poem, drawing poster, initiating word puzzle for certain issues, creating another poem about the discussed issues, making riddles on the content of the poem, creating games for the poems, writing an interview with the main character in the narrative poem, changing verse into prose, rewriting part of the poem as an article in a school magazine or journal. In the teaching and learning process, the appreciation of leka main can be seen in activities such as reading with the correct pronunciation and intonation, identifying the moral lessons, stating the meaning of dictions, reading and making inferences, explaining denotative and connotative meanings of words, completing verses, reciting, elaborating the structural aspects, making poetic sentences, interpreting issues, understanding the styles of literary writing, understanding themes and messages, listening and identifying tones as well as asking for and giving information about the issues in the leka main. The Iban students have been able to appreciate the leka main quite well.

Keywords: leka main, Iban language, Aesthetic elements poetry

PENGENALAN

Dalam mata pelajaran Jaku Iban (Bahasa Iban) di sekolah menengah, elemen estetik suku kaum Iban memang telah diselitkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sama seperti elemen kesusasteraan diselitkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS). Ini ialah satu langkah yang wajar bagi menarik minat pelajar dan seterusnya meningkatkan kemahiran Jaku Iban. Elemen estetik, diharap dapat membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, di samping seterusnya melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri. Penggunaan karya sastera dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan untuk meningkatkan penghayatan dan apresiasi pelajar terhadap unsur sastera dalam

mata pelajaran. Pengalaman kreatif begini akan dapat menanam minat pelajar untuk membaca, menilai, menghayati karya sastera yang dihasilkan oleh masyarakat Iban. Sukatan Pelajaran Jaku Iban meliputi Bidang Estetik yang merangkumi kesusasteraan masyarakat Iban. Tujuan menyelitikan elemen kesusasteraan tersebut (khususnya leka main) adalah supaya murid berupaya menghayati dan menguasai aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan bahasa. Pelajar diharap dapat menikmati hasil karya yang indah, pelahiran bahasa, penghayatan dan apresiasi sastera masyarakat Iban. Maksudnya, komponen estetik dianggap penting untuk membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani—seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun, komponen estetik tidak boleh diajar secara berasingan dan guru perlu menggabungkan elemen pengisian kurikulum yang lain yang merentasi semua bidang ilmu serta memberi kemahiran bernilai tambah dan kemahiran berfikir, serta memberi pengalaman pembelajaran belajar cara belajar, kecerdasan pelbagai, kontekstual dan konstruktivisme.

Leka main ialah satu genre sastera suku kaum Iban dan merupakan puisi rakyat mereka. Dalam khazanah kesusasteraan masyarakat Iban, leka main dianggap sebagai satu bidang yang amat penting dan akrab dengan mereka kerana fungsi-fungsinya yang pelbagai. Malahan, leka main itu sendiri akan mati tanpa fungsinya. Terdapat lebih kurang dua puluh jenis leka main yang masih relevan dalam masyarakat Iban hingga ke hari ini seperti pantun, sanggai, ganu, jawang, ramban, sugi, dungai, pelandai ara, wa' anak, renong, ensera, entelah, geliga, ai ansah, tanya indu, naku pala, timang, sampi, pelian dan sabak. Dalam leka main guru menerapkan unsur patriotisme dan kewarganegara yang berjati diri kuat dengan mengutamakan pemupukan semangat cinta terhadap bangsa, agama dan tanah air. Ini kerana dalam leka main terpancar peraturan sosiobudaya seperti kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang dapat memperkukuh citra pelajar khususnya dan jati diri masyarakat Malaysia amnya. Pelajar perlu memahami

leka main dalam tradisi lisan mereka sendiri dan menguasai gaya bahasa yang digunakan dalam karya kreatif tersebut.

Dalam masyarakat tradisional suku kaum Iban, leka main digunakan untuk menyampaikan pemikiran mereka dan meluahkan perasaan gembira, sedih, rindu, marah dan sebagainya. Sebagai puisi rakyat ciptaan dan kepunyaan orang Iban, leka main tidak mendapat pengaruh daripada mana-mana budaya dan jenis-jenis puisi ini telah diklasifikasikan berdasarkan isi, tema, persoalan, mesej dan fungsi atau peranannya dalam masyarakat mereka. Tujuan penciptaannya adalah untuk hiburan, berseloroh, berjenaka, menyindir dan mendidik. Melalui leka main ini, dapatlah dilihat pancaran nilai dan pemikiran masyarakat Iban tradisional pada masa silam dahulukala. Walau bagaimana pun, leka main tersebut masih berguna dalam konteks zaman sekarang, malah relevan dalam masyarakat Iban hingga kini. Leka main terbina daripada kesatuan kata, makna dan rasa sesuatu objek hasil pengamatan, penyaringan dan pemberian makna terhadap objek, perlakuan manusia dan alam sekeliling. Pemuisi-pemuisi telah mencipta kata-kata dalam leka main bagi menzahirkan erti yang bermakna dengan kelunakan rasa batin mereka ketika itu. Justeru pendengar atau pembaca dituntut untuk berdialog dengan teks dalam proses decoding kata secara semiosis dan semiotik untuk akhirnya dapat menikmati keindahan sesebuah leka main. Leka main diselitkan dalam pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban khususnya untuk menerapkan minat membaca dan mendeklamasikan puisi rakyat tersebut dalam kalangan pelajar Iban serta merangsang kemahiran menilai dan belajar mengkritik karya ini melalui persepsi mereka terhadapnya. Unsur yang diajar dalam puisi rakyat termasuklah struktur leka main, gaya bahasa, amanat, bentuk, nilai, keindahan, unsur budaya dan seumpamanya.

Sehubungan dengan hal demikian, guru yang mengajar Jaku Iban diharap dapat memahami kaedah pengajaran bahasa dan kaedah pengajaran sastera secara serentak supaya berjaya menyampaikan pengajaran yang berkesan di dalam bilik kelas. Ini kerana leka main tidak diajar secara berasingan, iaitu guru mengajar Jaku Iban dan juga mengajar unsur sastera rakyat Iban.

Diharap guru dapat memberi Kemahiran Bernilai Tambah seperti Kemahiran Berfikir, Belajar Cara Belajar, Kemahiran Masa Depan, Teori Kecerdasan Pelbagai, Pembelajaran Konstruktivisme, Pembelajaran Kontekstual dan kemahiran Teknologi Maklumat. Melalui penyelitan leka main dalam pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban, diharap guru dapat menerapkan unsur patriotisme dan kewarganegaraan serta mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air–tujuannya adalah untuk melahirkan warganegara yang berjati diri kuat, dan meningkatkan kecintaan terhadap bangsa, agama dan negara serta menghargai khazanah masyarakat Iban khususnya puisi rakyat mereka. Peraturan sosiobudaya dalam pembelajaran Jaku Iban meliputi aspek-aspek kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa–semuanya dipelajari melalui leka main. Peraturan sosiobudaya ini diharapkan dapat mengukuh citra pelajar dan jati diri masyarakat Malaysia umumnya. Moga-moga hasil daripada kajian kes ini akan membantu guru-guru menyediakan atau membincangkan kerangka pengajaran dan pembelajaran yang lebih mantap dan berkesan untuk mereka mengajar teks leka main. Diharap guru juga akan cuba mencari kaedah yang praktikal untuk menarik minat pelajar dalam pengajaran agar leka main dapat diapresiasi serta dianggap penting untuk membina jati dan negara bangsa. Sebagai puisi dalam keseneian rakyat, leka main adalah susunan percakapan dalam bentuk berangkap – istimewa berbanding dgn pengucapan biasa spt yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari.

Leka main perlu dihayati dari segi bahasa dan estetikanya. Aktiviti membaca, menulis dan melisankan leka main digemblengkan dengan ilmu tatabahasa yang merangkumi aspek fonologi kata (bunyi & ujaran), morfologi (kata & frasa), sintaksis (klausa & ayat) dan semantik (nahu & ayat). Melalui aktiviti penghayatan ini, terbentuk kemahiran kognitif, afektik dan psikomotor. Justeru, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kecekapan berbahasa diberi perhatian selain kemahiran melafazkan atau menyanyikan leka main. Sesi pengajaran hendaklah menyeronokkan, menarik dan berkesan agar leka main dapat

diterima oleh pelajar sebagai satu bentuk hiburan tradisional yang menghiburkan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Elemen estetik khususnya leka main telah diselitkan dalam mata pelajaran Jaku Iban sejak ia diperkenalkan di sekolah rendah. Penggunaan leka main sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban sudah semakin meluas dan diajar kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Pelajar perlu mempelajari dan menguasainya kerana ia adalah sebahagian dari Bidang Estetik dalam Sukatan Pelajaran Jaku Iban. Maknanya, tidak dapat tidak, pelajar perlu mempelajarinya kerana ia melibatkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Matlamat penerapan pendidikan elemen estetik dalam mata pelajaran Jaku Iban adalah untuk mendidik pelajar menikmati kehalusan dan keindahan sastera, penyerapan elemen retorik, dan juga memberi peluang kepada pelajar dari suku kaum Iban menguasai bahasa mereka sendiri dengan yang baik.

Penilaian dan pemilihan teks untuk elemen estetik dalam mata pelajaran Jaku Iban telah dibuat berlandaskan beberapa kriteria yang sesuai dengan tahap pemikiran pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Contohnya, karya atau bahan litaricha (termasuk leka main) telah ditulis dalam bahasa Iban dan dapat berfungsi sebagai alat pendidikan untuk mengimbangi perkembangan intelek, emosi, rohani, jasmani dan sosial pelajar. Seterusnya, leka main yang disediakan oleh guru hendaklah mendukung nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan yang mencerminkan jiwa dan pemikiran rakyat. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang dipilih mempunyai unsur kecindan, keindahan dan kehalusan serta boleh memperkukuh dan meningkatkan ketrampilan berbahasa atau bersastera termasuk melagukan leka main, iaitu puisi rakyat Iban.

Dengan demikian leka main boleh menimbulkan kesan penghayatan dan apresiasi kepada pelajar dan mencabar daya

intelek serta meningkatkan aktiviti pelajar. Tegasnya, leka main yang digunakan sebagai rangsangan hendaklah berkualiti, memperkayakan pengalaman sarwajagat, mempunyai wawasan yang sesuai dengan alaf baharu serta menyeronokkan selain bersih daripada hal-hal negatif seperti prejudis terhadap agama, bangsa, budaya, serta keselamatan negara. Bahan demikian akan dapat menimbulkan kesan kartasis, nasionalisme yang kuat, kesan harmonis terhadap kehidupan masyarakat. Leka main mempunyai ciri-ciri yang unik dan tersendiri. Ia memperlihatkan penggunaan bahasa yang baik, ekspresif, kental, mengandungi nilai keindahan, menimbulkan rangsangan dan mampu memberi kesan kepada pengalaman dan perasaan kepada seseorang pendengar atau pembaca.

Dari segi bentuk puisi ini, ia berkerat-kerat atau berurutan dalam baris yang agak sejajar. Ungkapan kata dan bahasanya dipengaruhi oleh unsur muzik, lagu, intonasi, kadensa, rentak, irama dan keharmonian bunyi. Baris, rima, iramanya telah disusun supaya membentuk pola atau ikatan yang dipengaruhi jumlah baris, jumlah perkataan, keseimbangan bunyi dan panjang-pendek perkataan. Walau bagaimanapun, dalam puisi rakyat Iban ini wujud pembahagian unit untuk menyatakan idea - misalnya beberapa baris serangkap atau beberapa rangkap seuntai leka main. Puisi rakyat ini bersifat lisan dan telah diwarisi serta disebarikan melalui tradisi lisan dengan kolektif kehidupan masyarakat tradisional orang Iban. Dari segi binaan puisinya, ia terikat oleh aturan tertentu yang memberikan bentuk dan strukturnya yang unik. Puisi inilah yang telah digunakan zaman berzaman dalam kehidupan seharian masyarakat Iban sebagai pengajaran dan hiburan, dalam keramaian, ritual dan keagamaan mereka. Oleh demikian, ada leka main yang dianggap suci dan berhubung dengan sistem kepercayaan dan adat istiadat mereka seperti geliga, ai ansah, tanya indu, sampi, sabak, pengan dan pelian. Oleh demikian halnya, bahasanya padat dan kental serta mengandungi unsur perlambangan, imejan, kiasan dan perbandingan yang bersifat tradisional untuk menyatakan sesuatu dan melahirkan perasaan hati.

PERMASALAHAN DAN KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Ramai pelajar dari suku kaum Iban tidak mahir menghayati dan mendeklamasikan leka main dengan baik. Dalam arus pembangunan pesat, leka main kurang popular dalam kalangan generasi baharu kerana ditenggelamkan oleh bentuk-bentuk hiburan moden. Justeru, puisi rakyat ini kurang digemari oleh mereka dan dianggap sukar. Selain itu, ramai guru yang mengajar Bahasa Iban tidak mahir atau tidak mempunyai asas dalam sastera Iban termasuk puisi rakyat tersebut. Oleh hal yang demikian, mereka kurang arif tentang genre, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran untuk membantu pelajar dan mengapresiasi menghayati leka main dalam bilik kelas.

Leka Main ialah satu bentuk sastera rakyat yang amat penting dalam masyarakat Iban dan kebanyakannya masih relevan hingga kini. Seperti sastera rakyat masyarakat yang lain, leka main dikaitkan dengan fungsi-fungsinya dalam masyarakat Iban itu sendiri dan fungsi-fungsi demikianlah yang menyebabkan puisi rakyat terus hidup. Oleh itu, kajian ilmiah ini amat penting dan signifikan dilakukan untuk melihat sejauh mana puisi rakyat ini telah dapat dihayati dan diapresiasi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara efektif, menarik, menyeluruh dan kritis serta memastikan leka main terus subur dalam budaya masyarakat suku kaum Iban.

Untuk memahami, menghayati dan mengapresiasi nilai bahan sastera dengan baik memerlukan bukan sahaja kemahiran berbahasa yang baik tetapi juga kemahiran berfikir yang tinggi. Oleh demikian, kajian kes dijalankan dengan matlamat untuk mencari jalan yang terbaik bagi meningkatkan tahap kemahiran berbahasa dan berfikir dalam kalangan pelajar. Menurut Taksonomi Berret (1972), guru boleh membina dan meningkatkan kemampuan intelek dalam pemikiran rasional kritis dan kreatif. Demi mencapai hasrat hendak meningkatkan kemampuan intelek tersebut, Berret menekankan agar pelajar membaca pelbagai bahan sastera dengan cekap dan kritis serta membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar serta memahami dan menghayati pelbagai bahan

sastera dan ilmiah. Hal demikian juga disarankan dalam Huraian Sukatan Bahasa Malaysia (1990) – dan prinsip linguistik dalam SP Bahasa Melayu ini boleh juga diaplikasikan dalam Jaku Iban. Sehubungan dengan itu, Jiah Lee Gwo (1995) menyarankan agar kemahiran berfikir dibina secara jelas termasuk apresiasi bahan sastera. Bersandarkan pandangan tokoh-tokoh ini, kajian kes ini dilakukan untuk melihat bagaimana pelajar menghayati leka main semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di dalam bilik kelas.

Oleh demikian halnya, rasional kajian kes ini dijalankan adalah untuk melihat bagaimana pelajar sekolah menengah di Sekolah Menengah Datuk Patinggi Kedit (Betong) memahami, menghayati dan mengapresiasi bahan sastera khususnya leka main. Penghayatan terhadap leka main memang memerlukan kemahiran berbahasa yang tinggi dan penghayatan yang baik pula akan dapat menghasilkan apresiasi dan pemahaman yang baik, logik serta tepat.

METODOLOGI

Berdasarkan tujuan pengkaji untuk melihat apresiasi leka main melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kerangka teori kajian dibentuk seperti berikut bagi menunjukkan bagaimana kajian ini akan dilakukan. Pengkaji akan memanfaatkan kaedah temubual separaberstruktur dan pemerhatian dalam darjah untuk memperoleh maklumat berkaitan penghayatan terhadap puisi berkenaan, yakni sama ada mereka memberi respons yang sewajarnya, melakukan aktiviti yang disuruh, suka atau tidak, dan menunjukkan kegemaran atau sikap tidak berminat terhadap leka main. Hal ini akan dilihat di dalam bilik darjah melalui konstruk atau pembolehubah seperti asonansi dan aliterasi, rima dan bunyi, anafora dan epifora, gaya bahasa, istilah dan diksi, rentak dan jeda, pencarian makna, mengalihkan leka main kepada bentuk prosa, menulis leka main berdasarkan lakaran dan catatan, mengenal pasti tema dan persoalan dalam leka main, melengkapkan leka main, mencari dan menulis biodata pemuisi.

Bagi mengetahui tentang pelbagai aktiviti dan pengalaman kreatif yang disediakan oleh guru untuk tujuan apresiasi leka main, pengkaji menemu bual guru dan murid yang terpilih sebagai responden. Antara aktiviti yang dijangka akan digunakan oleh guru ialah deklamasi dan nyanyian, puisidra, taridra dan dramatisasi, improvisasi, mimos dan pantomim, main peranan dan teater pembaca.

Pengkaji menemu bual guru tentang jenis-jenis leka main yang digunakan dan kekerapan penggunaannya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Jenis-jenis leka main yang mungkin digunakan oleh guru ialah pantun, sangai, ganu, jawang, ramban, sugi, pelandai, dungai, wa' anak, renong, ai ansah, ensera, entelah, tanya indu, naku pala, timang, sampi, pelian, pengap dan sabak.

Sebagai landasan kepada kajian ini, dibincangkan beberapa teori yang berkaitan dengan puisi dalam khazanah kesusasteraan. Terdapat beberapa tokoh sastera daripada aliran-aliran fungsionalis yang melihat sastera (khususnya puisi) sebagai berfungsi kepada masyarakat. Di antara aliran-aliran sosiologi yang akan digunakan ialah aliran fungsionalis yang disarankan oleh beberapa tokoh seperti Albrecht (1978), Laurenson & Swingewood (1972), Mukerjee (1971), Wolff (1981) dan Plummer (1997). Menurut Wolff (1981), seorang pengarang ialah makhluk sosial yang beruang (located individual) dan sastera ialah aktiviti yang bertempat (situated practice).

Oleh itu, sastera amat akrab dengan masyarakat dan ia mempengaruhi dan dipengaruhi masyarakat. Dalam konteks masyarakat Iban di Sarawak, leka main benar-benar akrab dengan masyarakat Iban kerana fungsifungsinya yang masih relevan hingga kini. Kajian ini adalah penting untuk menentukan penggunaan bahan sastera masyarakat Iban seperti leka main dapat meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar di dalam bilik kelas. Diharap kajian ini dapat memberi implikasi terhadap pengajaran guru – iaitu sebagai petunjuk kepada guru bagi melakukan perubahan dan inovasi terhadap pengajaran dan pembelajaran mereka masing-masing. Leka main yang diajar menekankan aspek bahasa yang indah utk menyampaikan mesej tertentu kepada

pelajar. Pelajar dibantu untuk meneliti, menyedari, menikmati, menghayati, memanfaatkan bahasa dlm leka main. Justeru, pengetahuan tentang pemahaman dan pengayatan leka main dalam kalangan pelajar akan membantu guru memilih, merancang dan mengajar bahan yang sesuai dan berkesan untuk tujuan menyeronokkan dan mengekalkan minat pelajar terhadap leka main sebagai warisan budaya dan puisi rakyat mereka. Pelbagai bentuk aktiviti dan pengalaman penghayatan begini akan dapat mendorong pelajar untuk belajar Jaku Iban dengan berkesan seperti membina ayat, memberi maksud perkataan, menggunakan peribahasa dengan betul, menggunakan pelbagai petikan sastera, maksud rangkai kata dan perkataan serta mendorong cetusan minda atau ide yang bernas. Selain menggalakkan lagi minat membaca pelajar, leka main tersebut dapat menjadi saluran bagi pelajar untuk memahami budaya dan cita rasa masyarakat Iban di Sarawak dan masyarakat Malaysia amnya – di sinilah terletaknya kesignifikanan kajian ini.

Pelajar diharapkan juga akan berminat untuk berkarya bagi melahirkan idea dan cita rasa mereka sendiri dan mempertingkatkan kemahiran berbahasa. Leka main dijadikan sebagai penyalur ilmu, fikiran dan perasaan bangsa Iban. Kajian kes ini terhad kepada sebuah sekolah menengah sahaja, yakni Sekolah Menengah kebangsaan Datuk Patinggi Kedit (Betong) di Sarawak. Ia melibatkan semua pelajar yang belajar Jaku Iban dan semua guru yang mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah berkenaan. Bagaimana pun, responden yang dipilih untuk kajian kes ini tidak boleh dikatakan mewakili kesemua pelajar Tingkatan 1 hingga 3 di seluruh Sarawak. Oleh kerana tempoh masa yang terhad untuk mendapatkan data, ia mempengaruhi keputusan kajian, iaitu pengkaji tidak berpeluang untuk membuat penyelidikan yang lebih menyeluruh dan mendalam berkaitan tajuk kajian tersebut ke sekolah-sekolah yang lain.

Di samping itu, kajian ini memberi fokus (skop) kepada kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh guru-guru yang mengajar Jaku Iban untuk melihat penghayatan dan apresiasi leka main dan juga kepada jenis-jenis puisi rakyat ini. Aktiviti penghayatan dan

apresiasi ini dapat menyokong teras pembentukan individu yang menyeluruh dari segi pempukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi. Penerapan leka main dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban boleh menjadikan pelajar insan yang berfikir tentang kebaikan, kehalusan budi pekerti, kesatuan berbahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan kebenaran serta menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan. Selain itu, kajian kes ini dibataskan kepada bahan sastera Iban dalam pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban, iaitu korpus puisi rakyat yang dikenali sebagai leka main.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk melihat penghayatan pelajarpelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Patinggi Kedit (Betong) terhadap leka main melalui sesi pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban di bilik darjah. Kajian ini secara dasarnya mempunyai tiga objektif seperti berikut:

- (a) Untuk melihat penghayatan dan apresiasi terhadap leka main dalam pengajaran Jaku Iban .
- (b) Untuk melihat kepelbagaian jenis aktiviti yang dirancang untuk penghayatan dan apresiasi leka main sebagai satu elemen yang menghiburkan dalam bilik darjah.
- (c) Untuk melihat jenis leka main yang kerap digunakan dan diadaptasikan oleh guru untuk tujuan penghayatan dan apresiasi.

Leka Main Iban

Tiada kajian empirikal yang dirujuk untuk kajian ini kerana belum ada kajian yang pernah dilakukan secara akademik tentang leka main sebelum ini. Bagaimanapun, terdapat sorotan tentang pandangan tokoh-tokoh sastera luar dan tempatan tentang puisi ini dimuatkan dalam artikel ini untuk melihat senario tentang isu dan permasalahan yang dikaji dan mewajarkan skop yang akan diberi

fokus dalam kajian ini. Oleh kerana tidak pernah ada kajian atau tinjauan yang dilakukan untuk melihat isu apresiasi leka main ini, maka dibincangkan di dalam artikel ini tentang asal usul masyarakat Iban dan juga jenis-jenis leka main yang terdapat dalam masyarakat Iban sehingga ke hari ini. Malangnya, leka main sedang mengalami persaingan yang sengit dengan bentuk-bentuk hiburan yang moden dan hal ini memungkinan kebanyakan ahli masyarakat Iban sendiri kurang berminat dengan tradisional ini dan menyebabkan penghayatan dan apresiasi terhadap leka main menjadi sukar. Kesuburan puisi rakyat suku kaum Iban ini bergantung kepada ahli masyarakat mereka sendiri, tetapi malangnya tidak pernah ada kajian atau tinjauan yang dilakukan untuk melihat isu penghayatan dan apresiasi leka main untuk mengetahui masalah dan kekangan yang terlibat. Apresiasi dan penghayatan leka main membawa pengertian pengiktirafan dan mengambil berat tentang penggunaan puisi ini sebagai langkah yang boleh membantu pelajar menguasai Jaku Iban.

Kajian ini juga penting kerana ia akan menunjukkan respons dan minat pelajar-pelajar Iban terhadap puisi rakyat mereka sendiri dan meletakkan nilai yang tinggi, memahami, menikmati serta sedar akan kepentingan leka main dalam konteks warisan budaya Malaysia. Puisi rakyat orang Iban di Sarawak disebut sebagai leka main. Leka maksudnya 'benih' (Bruggeman, 1987: 99) tetapi ia juga bererti 'perkataan' atau 'word', yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. Leka dalam bahasa Iban bukanlah bermakna lalai, lengah atau asyik oleh sesuatu perkara (Kamus Bahasa Melayu, 1987). Maksud main dalam bahasa Iban pula bukan sahaja melakukan sesuatu untuk menyenangkan hati, bersenang-lenang, bersuka-suka dan berehat tetapi juga merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan hiburan dan ritual (Richards, 1981). Main ini dilafazkan untuk mengiringi ritual semasa gawai, sebagai invokasi kepada dewa dan juga bagi tujuan memohon keberkatan dan penyembuhan. Boleh dikatakan leka main ialah satu puisi rakyat masyarakat Iban yang tersendiri. Oleh demikian, leka main bukanlah perkara main-main tetapi satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya

cipta dan realiti budaya mereka yang mempunyai estetika, tema dan bentuknya yang unik dan tersendiri.

Jenis-jenis leka main yang terdapat dalam khazanah puisi rakyat Iban termasuklah pantun, sanggai, ganu, jawang, ramban, sugi, dungai, pelandai, wa' anak, ensera, renong, geliga, ai ansah, tanya indu, naku pala, timang, pengap, pelian, sampi dan sabak. Pantun boleh dibahagikan kepada lima yakni meri ngirup, puji, peransang, sayau dan serebana. Sugi pula boleh dibahagi kepada dua, iaitu sugi ensera (disebut sedemikian kerana ia adalah ensera tentang Keling) dan sugi sakit. Renong boleh dibahagi kepada lima, yakni ngayap, semain, sabung, kayau dan adat yang boleh juga dibahagikan kepada tiga – ngetanka kuta, muka kuta dan namaka tuah. Timang boleh dibahagi kepada enam, yakni jalung, anak, nyangkah antu, rumah, ai dan kenyalang.

Kebanyakan leka main Iban ini masih relevan hingga kini kerana fungsi-fungsinya tertentu yang berbeza. Contohnya, terdapat jenis-jenis leka main yang berfungsi sebagai kestabilan sosial dan emosi (akan dibincang dalam bab 4) seperti pantun, ganu, ramban, jawang, sugi, renong semain, ensera (epik atau saga), entelah, pelandai karung, dan pelandai ara. Terdapat jenis-jenis leka main yang mempunyai fungsi sosiobudaya dari aspek adat dan acara keramaian termasuk renong adat, tanya indu, pantun meri ngirup, dungai ngerasukka tinchin, ai ansah dan geliga. Seterusnya, ada leka main yang mempunyai fungsi yang berkait dengan upacara kepercayaan dan ritual seperti sampi, timang, pengap, pelian, sugi sakit, renong sakit dan sabak. Leka main yang berkait dengan upacara kepercayaan dianggap mempunyai kuasa untuk ritual invokasi kepada petara mereka semasa gawai tertentu. Tiap-tiap leka main itu penting kerana fungsifungsinya yang tersendiri, malah puisi demikian wujud kerana fungsi-fungsi berkenaan. Tanpa fungsi demikian, leka main akan mati dengan sendirinya. Sebagai contoh, puisi naku pala (atau sangkah) telah 'mati' dengan sendirinya kerana masyarakat Iban moden tidak lagi kerana mereka tidak mengamalkan ngayau lagi.

Setakat ini tidak pernah ada kajian dari mana-mana tokoh luar dan tempatan tentang isu yang dikaji. Bagaimana pun,

beberapa buah buku dan artikel telah dibaca untuk melihat kaedah mengajar kesusasteraan di dalam bilik kelas kerana ia berkaitan dengan penghayatan dan apresiasi puisi. Oleh kerana leka main ialah puisi rakyat Iban, maka pandangan tokoh-tokoh ilmuwan telah dimanfaatkan untuk melihat apresiasi puisi berkenaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban di dalam bilik darjah Tingkatan 1 hingga 5. Abdul Ghalib Yunus (1996) dalam artikelnya 'Prinsip Pemilihan, Penyesuaian dan Penggunaan Bahan Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu' yang dimuatkan dalam Dewan Bahasa telah membincangkan beberapa prinsip pemilihan bahan dan penggunaannya dalam pendidikan bahasa. Bahan tersebut perlu disesuaikan dengan kebolehan dan peringkat umur pelajar yang diajar. Ini kerana pelajar mempunyai kecerdasan yang pelbagai dan mereka memberi respons yang berbeza terhadap bahan yang dihidangkan.

Anis Sabirin (1989) dalam bukunya Mengenai Puisi banyak membincangkan unsur-unsur puisi termasuk struktur dalamnya seperti rangkap atau bait, baris, rima, persoalan, tema, makna, perlambangan, imejan, personifikasi, rentak, nada dan seumpamanya. Azman Wan Chik (1981) dalam bukunya Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu membincang tentang prinsip dan kaedah mengajar kesusasteraan. Idea-idea yang dikemukakan oleh beliau amat sesuai dimanfaatkan dan diaplikasi untuk tujuan menyelitkan elemen estetik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban di sekolah menengah. Bercakap mengenai pemilihan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran, Baharom Hj. Sulaiman (1995) dalam artikelnya 'Bahan Sastera Dalam Pengajaran Bahasa Melayu' berkongsi pendapat tentang prinsip-prinsip yang perlu diambil kira apabila menyediakan bahan pengajaran. Pandangan beliau dikemukakannya dalam Pelita Bahasa Jilid 7 Bil.12 terbitan Dewan Bahasa & Pustaka. Ismail Ahmad (1982) dalam artikelnya 'Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan di Sekolah: Satu Pandangan' yang diterbitkan dalam Dewan Sastera Jilid 12 Bil. 7, turut membincang tentang pentingnya elemen estetik dalam pengisian kurikulum bahasa di sekolah. Beliau menegaskan bahawa

melalui kesusasteraan sesuatu bangsa dapat memartabatkan jati diri dan warisan budaya.

Sehubungan dengan hal demikian, perlulah diambil kira pandangan tentang kaedah pengajaran kesusasteraan yang disarankan oleh Kamaruddin Hj Husin (1999), dalam bukunya Kaedah Pengajaran Kesusasteraan. Lufti Abas (1987) dalam kertas kerjanya "Pengajaran Bahasa Melayu dengan Menggunakan Karya Sastera" juga menutarakan beberapa cadangan kaedah pengajaran sastera (termasuk puisi) di dalam bilik kelas. Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) dalam kertas kerja Unsur Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Contoh Pengajaran dan Pembelajaran telah menegaskan betapa pentingnya elemen estetik dan kesusasteraan dalam usaha mengasuh peribadi pelajar sekolah di negara kita. Kesimpulannya, tiap suku kaum di Bumi Kenyalang mempunyai sastera lisannya yang tersendiri dan masyarakat Iban tidaklah terkecuali. Masyarakat tradisional Iban yang dahulu rataratanya buta huruf, telah menjadi pemangkin kepada leka main dalam sastera rakyat Sarawak yang kian berkembang. Sesungguhnya, puisi rakyat ini telah mencerminkan nilai-nilai hidup, corak kehidupan, cara berfikir dan kepercayaan masyarakat Iban zaman silam, yakni gambaran tentang cara hidup atau budaya mereka, dan leka main ini adalah hasil aktiviti kesusasteraan orang Iban yang telah berkembang sejajar dengan perkembangan sejarah masyarakat, bangsa dan kebudayaan masyarakat Iban.

Penghayatan Leka Main Dalam Bilik Darjah

Kajian kes ini menggunakan kaedah lapangan yang memanfaatkan tiga kaedah penyelidikan iaitu kaedah temubual separa-berstruktur, pemerhatian (tanpa penglibatan) dan analisis dokumen. Kajian lapangan ini amat perlu untuk melihat respons pelajar terhadap rangsangan yang disampaikan oleh guru dan bagaimana pelajar dapat menghayati leka main dalam bilik darjah. Kaedah-kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat untuk mengumpul data dan mencatat maklumat tentang pelbagai aktiviti penghayatan dan

apresiasi leka main, jadual waktu pengajaran dan pembelajaran dan jenis-jenis leka main yang digunakan.

Menurut tokoh-tokoh seperti Miles, Huberman, Bogdan dan Biklin, melalui temubual separa-berstruktur penyelidik akan meninjau, menilai dan mendalam isu sebenar dalam kajian beliau. Dalam konteks ini, pengkaji mengendalikan kaedah kualitatif seperti ini untuk cuba meninjau secara mendalam minat pelajar yang mengambil mata pelajaran Jaku Iban tentang apresiasi mereka terhadap leka main. Pendekatan kualitatif begini mejnadi pilihan kerana penggunaan pendekatan ini dipercayai dapat mencungkil pelbagai rahsia daripada responden tentang topik yang hendak dikaji. Kaedah ini lebih sesuai digunakan bagi kajian begini walaupun menghadapi pelbagai masalah dan mungkin mengambil masa yang lama. Metodologi ini semakin diminati kerana disiplin ini mengambil kira pandangan dan suara orang ramai. Metod ini menggunakan pendekatan kerja lapangan serta teknik pemerhatian dan temubual secara mendalam dalam mengumpul data. Penyelidik sendiri sebagai instrumen atau researcher-as-instrument menyediakan soalan temubual separa-berstruktur sebagai satu teknik mengumpul data. Kajian kes ini dijalankan kerana kaedah temubual separaberstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen memudahkan usaha pengkaji bukan sahaja mengumpul maklumat yang diperlukan tetapi memungkinkan beliau menerokai isu kajian dengan lebih berkesan, khususnya dalam konteks untuk melihat apresiasi pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap leka main.

Dalam kaedah penyelidikan lapangan ini kaedah temubual dan pemerhatian (tanpa penglibatan) dilakukan untuk mengumpul maklumat (sebagai sumber primer) dari guru-guru yang mengajar Jaku Iban sebagai informan-informan bagi mendapatkan gambaran dan maklumat tentang penghayatan dan apresiasi leka main di bilik darjah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Responden atau persampelan untuk kajian kes ini termasuk 4 orang pelajar dari tiap kelas yang dipilih oleh guru dan 4 orang guru di sekolah tersebut. Mereka ditemu bual dan perbualan mereka ditranskripsikan dan seterusnya dianalisis sebagai laporan dapatan kajian.

Kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga 4 yang mengambil mata pelajaran Jaku Iban. Hal ini adalah kerana pelajar ini telah mengikuti mata pelajaran ini sejak berada di tingkatan satu dahulu. Mereka telah didedahkan kepada pelbagai genre litaricha Iban termasuk leka main. Dengan pendedahan ini pelajar lebih mudah lagi mengenal pasti minat, kecenderungan, penghayatan dan apresiasi mereka terhadap leka main. Pemilihan pelajar sebagai responden dilakukan dengan bantuan guru mata pelajaran Jaku Iban. Pemilihan mereka akan membantu kejayaan kajian yang bakal dilakukan. Temubual separa-berstruktur terhadap responden (guru dan murid) dilakukan untuk pengumpulan data. Soalan diajukan kepada responden dan hal demikian mengambil masa beberapa minit seorang. Jawapan dari responden dicatat di dalam borang untuk dianalisis dan ditranskripsikan. Dokumen dari rekod persediaan mengajar dan catatan yang dibuat oleh guru juga dilihat untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat tentang penghayatan dan apresiasi pelajar terhadap leka main bagi memantapkan dapatan. Penyelidik menggunakan teknik "triangulasi", iaitu berdasarkan temubual dengan pelajar dan guru, pemerhatian di dalam kelas, menyemak buku latihan pelajar, melihat tingkahlaku responden berdasarkan senarai semak yang disediakan dan pelbagai aktiviti dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, soalan-soalan yang diajukan oleh penyelidik hanya merupakan garis panduan kepadanya untuk menjalankan temubual bersama responden.

Dalam hal ini temubual menjadi satu keperluan dalam proses pengutipan data data kajian secara kualitatif kerana ia melibatkan manusia yang harus diterjemahkan melalui pendapat responden yang ditemubual. Hal ini memberi gambaran yang mendalam berkenaan sesuatu situasi. Menurut Fraenkel (1996:447): The purpose of interviewing people is to find out what is on their mind - what they think or how they feel about something.

Selain itu, penyelidik juga membuat pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban di dalam bilik darjah

bagi melihat apresiasi leka main. Pemerhatian ini amat penting kerana dalam membandingkan hasil temubual dengan responden. Untuk tujuan melengkapkan lagi kajian ini, penyelidik menggunakan bukti dokumen sebagai alat sokongan terhadap data dan maklumat yang didapati daripada temubual. Gay (1996: 243) mengatakan bahawa,

.....a document may be any written or nonwritten record which exist and which may enhance the researcher's overall understanding or the situation under study.'

Dokumen yang digunakan dalam kajian ini dianalisis bagi menunjukkan apresiasi pelajar-pelajar terhadap leka main yang disampaikan di dalam darjah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi menentukan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang disediakan untuk kajian ini, instrumen diserahkan kepada Ketua Jabatan untuk diteliti dan dimurnikan. Instrumen yang sama diteliti semula oleh seorang pensyarah yang mahir (SME/subject-matterexperts) dalam bidang puisi untuk mendapatkan pandangan (face validity) dan tindakan penambahbaikan. Instrumen berkenaan diserahkan kepada seorang pakar dalam penyelidikan seperti ketua jabatan dalam unit penyelidikan untuk diberi komen dan tujuan pemurnian selanjutnya. Kajian rintis juga ke atas beberapa orang pelajar dilakukan untuk meninjau kesesuaian instrumen tersebut sebelum kajian sebenar dilakukan ke atas kumpulan sasaran. Strategi demikian menentukan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang bakal digunakan dalam kajian yang memanfaatkan kaedah kualitatif ini. Setelah menjalankan temubual separa-berstruktur dan pemerhatian ke atas reponden, penyelidik menganalisis data iaitu hasil temubual dan pemerhatian tersebut.

Hasil dapatan dipilih dan diatur, kemudian rumusan tentang keputusan dibuat berdasarkan apresiasi leka main melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran – sama ada pelajar telah dapat menghayati puisi rakyat tersebut dengan cukup baik atau

tidak, sekaligus menunjukkan sikap pelajar terhadap bahan litaricha Iban itu. Jika mereka dapat menghayati leka main dengan baik, mereka menguasai dan meminati puisi ini.

Kaedah penyelidikan yang kedua dimanfaatkan dalam kajian ialah kaedah analisis. Setelah pemerhatian ke atas proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dilaksanakan, hasil pemerhatian dan semua dokumen responden yang berkaitan itu dianalisis. Kaedah pemerhatian memanfaatkan pendekatan senaraisemak untuk merekodkan maklumat. Hasil temubual separabersetruktur dengan pelajar dan guru juga dianalisis dan laporan dari kaedah ini ditulis sebagai hasil dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan betapa pentingnya peranan pelajar dalam menghayati leka main. Menurut responden (pelajar) yang ditemubual mereka telah diminta untuk melakukan beberapa aktiviti penghayatan seperti membaca buku leka main yang ada dan bercakap tentang leka main tersebut dengan rakan-rakan mereka.

Pelajar telah melengkapkan latihan yang diberi oleh guru. Bagaimanapun, pelajar tidak mempunyai buku berasingan untuk menulis kosa kata dan semua perbendaharaan kata yang baharu dipelajari. Kosa kata ditulis di dalam buku latihan. Pelajar juga tidak menyimpan folio/nota tentang leka main kerana nota ditulis di dalam buku latihan masing-masing. Jika diminta untuk memberi refleksi tentang tema dan nilai dalam sesebuah leka main, ia ditulis dalam buku latihan mereka. Pelajar sering diminta untuk memahami dan memberi respons terhadap leka main dalam bentuk komen dan pandangan mereka secara peribadi tetapi tidak ramai pelajar yang yakin memberi pendapat mereka. Namun, mereka berusaha menyampaikan maksud/mesej dalam leka main dan mengaitkannya dengan isu-isu semasa yang relevan dengan kehidupan sebenar. Pelajar menjelaskan bahawa mereka memang berusaha sedaya upaya untuk mengapresiasi keindahan bahasa dalam puisi rakyat ini walaupun sukar memahami begitu banyak bahasa Iban klasik dan arkaik di dalamnya. Pentingnya, pelajar masih dapat menghubungkan isu-isu dalam leka main dan memperoleh pengajaran daripada teks puisi rakyat itu walaupun

pelajar mengaku bahawa mereka kurang mampu untuk mengaitkan isu-isu dan amanat dengan pandangan budaya yang lain. Pengkaji masuk ke beberapa kelas untuk memerhatikan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas Tingkatan Satu, Dua dan Empat. Kelas Tingkatan 3 baharu sahaja tamat PMR, maka tidaklah sempat dilihat proses pengajaran dan pembelajarannya di bilik kelas. Tujuan pemerhatian ini adalah untuk melihat usaha dan peranan guru membantu penghayatan dan apresiasi leka main dalam kalangan pelajaran di bilik kelas.

Diperhatikan bahawa cara guru memperkenalkan dan menarik minat terhadap leka main adalah baik kerana guru telah menyediakan beberapa aktiviti prabaca. Pertama, guru minta pelajar membaca tajuk leka main dan memberi komen atau pandangan mereka terhadap tajuk tersebut dari perspektif mereka. Maknanya, pelajar menyatakan apa sahaja yang mereka faham tentang tajuk tersebut. Selepas itu, barulah pelajar disuruh mengaitkan tajuk leka main itu dengan isu semasa. Segelintir pelajar pula disuruh meneka tema yang cuba dibincangkan oleh pengarang dalam puisi itu berdasarkan tajuk itu, dan ada pelajar diminta untuk menyatakan sama ada teks leka main itu dilagukan atau dilafazkan sahaja (sebab tidak semua leka main dilagukan). Guru juga minta pelajar menyatakan sama ada teks puisi itu (berdasarkan tajuknya) ada kaitan dengan adat, hiburan atau invokasi kepada Petara (tuhan) mereka. Ketika disuruh melagukan puisi tersebut, pelajar tidak pasti melodinya.

Semasa pelajar membaca teks leka main, mereka diminta oleh guru memahami dua perkara – iaitu isi kandungan teks puisi tersebut dan kosa kata yang terdapat di dalamnya. Guru bertanya soalan untuk membantu pelajar memahami tujuan pengarang mengarang puisi tersebut. Kemudian guru membimbing mereka untuk memahami struktur leka main berkenaan – iaitu mengetahui bahagian permulaan, bahagian isi dan bahagian penutup. Dalam perbincangan, pelajar cuba mengenal pasti maklumat penting dalam leka main itu. Dengan usaha demikian, guru telah membantu menjana fikiran pelajar dan membimbing mereka menghayati leka main dengan berkesan. Dalam aktiviti pascabacaan, guru minta

pelajar membuat refleksi tentang teks puisi yang telah dibaca oleh mereka. Hanya segelintir pelajar sahaja yang dapat melakukannya dengan baik. Guru terpaksa mengemukakan pelbagai soalan untuk membantu mereka. Inilah cara guru mengalakkan pelajar memberi respons terhadap teks dalam bentuk pandangan, komen dan refleksi.

Sehubungan dengan itu, sebagai aktiviti susulan atau lanjutan, guru menyediakan tugas konsolidasi pengukuhan supaya memantapkan lagi penghayatan terhadap teks leka main yang dibincangkan. Umumnya, aktiviti-aktiviti ini termasuklah menerangkan kosa kata, menjelaskan isu dalam teks, menulis semula teks kepada prosa, merumuskan idea dalam teks, melengkapkan leka main dan melengkapkan nota jika diperlukan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar kurang mahir memindahkan maklumat dari puisi ke bentuk pengurusan grafik seperti melukis rajah peta, pelan atau melengkapkan carta. Pelajar juga kurang mahir mendeklamasikan puisi tersebut, maka amat sukarlah bagi mereka untuk melakukan aktiviti pantomin atau mimos. Ketika diminta melengkapkan teks leka main, hanya segelintir sahaja yang dapat melakukannya. Berdasarkan pemerhatian, pelajar memang berminat untuk menghayati puisi ini, tetapi perlu mengambil masa untuk mempelajarinya dengan mendalam. Berkenaan teknik yang digunakan oleh guru mengajar (selain membuat pemerhatian) pengkaji menemubual keempat-empat guru yang mengajar mata pelajaran Jaku Iban di sekolah berkenaan untuk mengetahui apakah teknik pengajaran yang dimanfaatkan oleh guru bagi memberi pengalaman kreatif atau memberi aktiviti penghayatan kepada pelajar untuk mengapresiasi leka main. Aktiviti yang kerap dilakukan oleh guru ialah menyuruh pelajar menjelaskan makna rangkap atau keseluruhan leka main yang diajar. Guru telah melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti bercerita, iaitu menceritakan semula isi dan tema puisi. Ada pelajar cuba mendeklamasikan puisi tersebut dengan sedikit aksi sahaja tetapi kurang berjaya. Berkenaan teknik pengajaran, guru didapati tidak menggunakan teknik drama, permainan drama, pantomin atau mimos. Pengkaji membuat pemerhatian di dalam

setiap bilik kelas yang diajar oleh guru-guru Jaku Iban untuk melihat aktiviti-aktiviti penghayatan leka main semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan, pelajar diminta mencatat idea yang terdapat dalam leka main dengan cara menjawab soalan pemahaman dan soalan berstruktur. Didapati pelajar gemar melakukan aktiviti seperti ini dan mereka seronok berkongsi idea tentang isu-isu dalam teks leka main yang dibincangkan.

Diperhatikan pelajar lebih gemar membuat tugas mencari makna kosa kata berbanding membuat andaian, tanggapan atau jangkaan tentang isi teks puisi tersebut. Guru cuba membantu membuat andaian, namun pelajar masih sukar menghasilkan idea tentang isu yang berkaitan. Elok jika guru memberi lebih banyak latihan untuk memantapkan lagi aspek penghayatan begini. Bagaimanapun, pelajar suka membuat latihan tentang tatabahasa berdasarkan teks leka main. Beberapa aktiviti pasca-baca telah disediakan oleh guru sebagai latihan susulan. Contohnya, guru minta pelajar menulis idea utama atau sampingan dalam puisi yang dibincangkan. Guru menggunakan teknik "conferencing", iaitu bertanya soalan untuk merangsang perbincangan dan diperhatikan bahawa pelajar seronok terlibat dalam gaya pembelajaran begini. Ada pelajar diminta untuk membuat aktiviti padanan dan ada yang disuruh menyenaraikan katakata sifat untuk memerikan perkara atau watak dalam puisi. Guru juga menggalakkan pelajar membuat refleksi tentang puisi yang diajar di dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran.

Bagaimanapun, oleh kerana kekangan masa (masa terhad kepada 80 minit sahaja dalam satu penyeliaan), tidak banyak aktiviti pembelajaran dan penghayatan yang dapat dilihat. Guru belum sempat menyuruh murid melukis potret watak dalam puisi atau meminta mereka memberi tajuk baharu kepada puisi berkenaan. Oleh kerana puisi yang dibincangkan bukanlah puisi naratif seperti ensersa (iaitu epik saga), guru tidak meminta pelajar membuat kostum untuk watak atau membuat boneka/puppet show tentang cerita dalam puisi. Pengkaji mencadangkan kepada guru agar aktiviti begini diberi sebagai kerja susulan selepas masa

pembelajaran di bilik kelas. Dicadangkan kepada guru agar sekali-sekala diusahakan aktiviti pantomim atau mimos untuk satu senario dalam puisi yang dibincangkan. Pelajar juga boleh ditugaskan untuk membuat concertina (iaitu penulisan semula cerita) dengan cara mengalihkan puisi naratif kepada prosa naratif. Jika guru mahir menggunakan ICT, elok membuat web dalam internet tentang isu yang dibincangkan dalam puisi.

Leka Main Yang Kerap Digunakan Sebagai Bahan Pengajaran

Oleh kerana terdapat banyak jenis leka main dalam khazanah sastera rakyat masyarakat Iban, guru-guru yang mengajar Jaku Iban di sekolah berkenaan telah memilih puisi yang mudah dihayati berdasarkan umur dan minat pelajar. Antara leka main yang dipilih oleh guru kelas Tingkatan Satu termasuklah pantun, dungai, pengap, ensera, biau, timang, sampi, sugi dan denjang. Guru kelas Tingkatan Dua memilih puisi seperti ai ansah, geliga, jawang, entelah, ensera, pantun, pengap, timang, ganu, sampi, renong dan ramban. Pelajar Tingkatan Tiga menghayati puisi seperti entelah, wa' anak ai ansah, timang, pantun bulan, geliga, renong adat, pengap, sampi dan timang. Puisi yang dipilih oleh guru kelas Tingkatan Empat termasuk ramban, timang, sanggai, pelandai karung, pantun, tanya indu, renung ensera dan biau. Leka main tersebut dipilih kerana hiburan menghiburkan pelajar dan mencerminkan sosiobudaya masyarakat Iban khususnya. Bagaimanapun, beberapa jenis leka main tidak dipilih untuk diajar di dalam kelas kerana sukar untuk difahami dan dideklamasikan seperti naku pala, pelandai ara, pelian dan sabak.

Guru telah menjalankan aktiviti pengayaan untuk tujuan penghayatan leka main. Untuk itu, guru lazimnya minta pelajar mengembangkan pandangan dalam puisi walaupun tidak semua dapat melakukan. Bolehlah dikatakan bahawa pelajar berjaya mengaitkan pengalaman dalam puisi dengan pengalaman hidup mereka sendiri. Sebenarnya, banyak aktiviti pengayaan lain yang boleh membantu pelajar menghayati leka main di sekolah

menengah. Justeru, pengkaji mencadangkan aktiviti-aktiviti pengayaan seperti berikut:

- (a) menjangkakan apa yang akan berlaku kepada watak lima tahun akan datang
- (b) pelajar memainkan peranan sebagai watak dan menjawab soalan yang dikemukakan oleh para wartawan
- (c) melakonkan sebahagian daripada isu dalam puisi
- (d) menulis diari untuk seorang watak
- (e) menulis surat untuk menasihati watak dalam puisi naratif
- (f) melukis sebuah poster untuk seorang watak
- (g) membuat word puzzle untuk isu/perkara dalam puisi
- (h) menulis surat (dari seorang watak kepada seorang watak yang lain) (i) menulis pengenalan kepada buku antologi puisi yang ditulis oleh pelajar lain
- (j) menulis atau mereka iklan untuk sebuah buku puisi
- (k) menulis sebuah lagi puisi tentang isu yang dibincangkan dalam satu puisi
- (l) membuat riddles tentang isi sebuah puisi bahasa berdasarkan (m) mencipta permainan sebuah puisi/leka main
- (n) mengutus surat kepada pengarang leka main dan menyatakan keseronokan anda menghayati puisinya itu atau bertanya soalan tentangnya
- (o) menulis sebuah temubual dengan watak utama dalam puisi naratif seperti ensaer, sugi atau renong semain
- (p) menulis laporan akhbar yang merumuskan kandungan isi dalam sebuah leka main dalam bentuk laporan sukan, komik, bisnes dan seumpamannya
- (q) memprosakan sebuah puisi
- (r) memilih satu petikan/rangkap yang unik dan membuat penjelasan mengapa ia dianggap begitu penting/ baik/ istimewa
- (s) menulis semula sebahagian daripada puisi sebagai artikel dalam jurnal atau rencana (majalah sekolah)

- (t) menulis sebuah versi mudah bagi seluruh/sebahagian daripada puisi yang anda suka (u) menulis book review tentang sebuah puisi naratif.

Walaupun aktiviti yang tersenarai di atas dicadangkan untuk tugasan pengayaan, guru-guru boleh menggunakan inisiatif sendiri untuk mengubahsuai mana-mana aktiviti tersebut untuk kerja kelas atau kerja latihan semasa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bilik kelas.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut, bolehlah dibuat satu rumusan secara amnya tentang penghayatan leka main di bilik kelas melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan di sekolah ini. Hasil temubual dengan guru-guru yang mengajar Jaku Iban di sekolah ini, kelihatannya guru berjaya membantu menghayati leka main dalam mata pelajaran tersebut, namun apresiasi terhadap puisi rakyat itu tidak cukup mendalam atau mantap. Guru-guru sendiri mengaku bahawa mereka kurang pendedahan dan pengetahuan terhadap leka main itu sendiri. Oleh demikian halnya, semasa pengajaran berlangsung dalam bilik kelas, tidak banyak aktiviti mencabar yang disediakan oleh guru. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kelas, penghayatan terhadap leka main dapat dilihat melalui aktiviti berikut: - membaca leka main dengan sebutan, gaya dan intonasi yang sesuai - menyatakan pengajaran - memberi makna/maksud perkataan yang sukar - mendengar dan mengenal sebutan dan intonasi yang sesuai - membaca dan menaakul perkara yang tersurat dan tersirat - melengkapkan baris - membaca kuat bahan leka main - menghurai aspek struktur leka main - membina ayat puitis - menghayati dan menginterpretasi leka main - memahami gaya bahasa - mendengar dan memahami diksi, tema dan mesej - mendengar dan mengenal nada/puisi - menyoal untuk mendapatkan maklumat dalam leka main

Lazimnya, pelajar diperdengarkan leka main yang telah dirakam atau menonton persembahan melalui CD dan rakaman visual yang lain. Pelajar kerap diminta untuk mengkaji teks leka

main secara struktural, iaitu meneliti aspek formalistiknya seperti rangkap, baris, diksi, tema, persoalan, latar, mesej, rima, gaya bahasa, citra alam, nilai, perbandingan, personifikasi, kiasan dan seumpamanya. Selain itu, pelajar dikehendaki menyatakan pelajaran dalam teks, memberi maksud kosa kata dan melengkapkan baris. Bagaimanapun, pelajar digalakkan untuk menyoal guru bagi mendapatkan maklumat tentang nada, mod persembahan, peralatan, sajian, ritual berkaitan dan unsur muzik seperti rima, aliterasi, asonansi, rentak dan jeda.

Dalam konteks ini strategi pembelajaran BCB (belajar cara belajar) yang sering diaplikasi ialah mengalihkan leka main kepada bentuk prosa, menulis leka main berdasarkan lakaran dan catatan, mengenal pasti tema dalam leka main, melengkapkan leka main, dan mencari serta menulis biodata penulis. Antara aktiviti yang kerap diaplikasikan oleh guru untuk menghayati leka main ialah permainan (silang kata dan kuiz), mendeklamasi leka main, melukis (pemaduan seni), perbincangan, soal jawab, sumbang saran dan memprosakan puisi. Namun, jarang sekali pelajar digalakkan untuk membuat persembahan cerita puisi seperti ensera. Selain itu, persembahan improvisasi, teater bercerita, teater pembaca, permainan puisi (seperti kuiz dan teka silang kata), formasi (gerak kreatif), pantomim dan persembahan boneka dan topeng dianggap sukar untuk dilakukan, maka tidak dijalankan di dalam bilik kelas. Turut diketepikan juga ialah aktiviti mengumpul leka main pilihan, persembahan puisidra, tari puisi dan damatisasi kerana guru-guru kurang yakin untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini dengan baik.

IMPLIKASI DAN PENUTUP

Dapatan kajian ini memberi implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek perancangan strategi dan pemilihan bahan puisi. Guru-guru perlu menyediakan kerangka pengajaran yang berkesan termasuk pendekatan, kaedah dan teknik mengajar yang lebih mantap untuk mengajar teks leka main dalam bilik kelas. Guru disarankan agar cuba mencari kaedah yang praktikal untuk menarik minat pelajar dalam aktiviti pengajaran supaya leka

main dianggap penting untuk membina jati dan negara bangsa. Walaupun guru memang berminat mengajar leka main dalam mata pelajaran Jaku Iban, mereka kurang pendedahan kepada puisi rakyat tersebut. Pelajar jarang sekali disuruh melagukan puisi itu. Justeru, para pelajar seringkali diminta untuk membaca dan memahami isi teks leka main, menyebut perkataan dengan betul dan menaakul perkara yang tersurat dan tersirat. Maka, pelajar jarang disuruh mencipta leka main sendiri atau melengkapkan leka main sebagai latihan mereka.

Masalah bahan pengajaran dan pembelajaran juga amat kritikal di sekolah berkenaan. Ini termasuk kekurangan buku-buku rujukan, koleksi leka main, kamus dan bahan-bahan audio-visual seperti CD dan DVD. Sekolah ini hanya memiliki lima puluh naskah kamus yang ditulis oleh Anthony Richards untuk kegunaan Tingkatan satu hingga Tingkatan 5; satu set ensiklopedia Iban yang terdiri daripada tiga volium; beberapa naskah buku ensaer dan cerita; nota kursus untuk rujukan guru; sukatan pelajaran Jaku Iban; huraian sukatan pelajaran; rantai leka jaku Iban (senarai kosa kata bahasa Iban); dan atur sepil jaku Iban (sistem ejaan bahasa Iban). Selain itu, kekangan masa juga menyebabkan guru tidak dapat mengadakan Minggu Jaku Iban atau Peraduan Mencipta Leka Main di sekolah tersebut. Leka main menekankan aspek bahasa Iban yang indah untuk menyampaikan mesej selain menghibur dan mendidik masyarakat Iban

Dalam aspek apresiasi dan penghayatan, pelajar dibantu untuk meneliti, mengkaji, menyedari, menikmati, menghayati dan memanfaatkan bahasa Iban dalam leka main. Guru perlu memilih, merancang dan mengajar bahan yang sesuai dan berkesan. Latih tubi yang disediakan oleh guru dapat mengukuhkan kefahaman dan penghayatan terhadap puisi rakyat ini. Pelajar yang berjaya memahami dan menghayati leka main pasti terhibur dan juga dapat membina ayat, memberi maksud perkataan dan rangkai kata, mahir menggunakan peribahasa dengan betul, pandai menggunakan pelbagai bahan sastera Iban dan memperoleh cetusan minda yang bernas. Penghayatan terhadap leka main dapat dilihat dari respons peribadi yang diberi oleh pelajar masing-masing. Hal ini sekaligus

menunjukkan bahasa pelajar dapat menguasai gaya bahasa dalam leka main sebagai karya kreatif. Pendek kata, pelajar telah berupaya memahami kebahasaan, keindahan dan kehalusan Jaku Iban dan mereka mengutamakan penikmatan leka main yang indah, pelahiran perasaan dan apresiasi puisi rakyat ini.

RUJUKAN

- Abdul Ghalib Yunus (1996), 'Prinsip Pemilihan, Penyesuaian dan Penggunaan Bahan Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu'. Dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 40. Bil.12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albrecht, Milton C. (1978). "The Relationship of Literature and Society", dlm Peter Davidson, *Literature Taste, Culture and Mass Communication: The Sociology of Literature*, Vol.6, New York: Schocken Books.
- Anis Sabirin (1989), *Mengenai Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Azman Wan Chik (1981), *Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- Baharom Hj. Sulaiman (1995), 'Bahan sastera Dalam Pengajaran Bahasa Melayu'. Dalam *Pelita Bahasa* Jilid 7 Bil.12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Barret, T.C. 1972. *Taxonomy of Reading Comprehension*, Lexington Mass: Ginn A Xerox Education Company.
- Bruggeman, G. (1985). *English-Iban Vocabulary*, Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- Fraenkel, Norman E.W. (1996). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: Mc Grow Hill Inc.
- Gay, L.R. (1996). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Ismail Ahmad (1982), 'Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan di Sekolah: Satu Pandangan'. Dalam *Dewan Sastera* Jilid 12 Bil. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

- Jiuh, L.G. 1995. "Kemahiran Berfikir Dalam KBSM". Dlm Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Kecemerlangan Berfikir*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Kamaruddin Hj Husin (1999), *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Kamus Bahasa Malaysia*: Edisi Pelajar, (1987). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990. *Huraian Sukatan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994), *Unsur Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu*: Contoh Pengajaran dan Pembelajaran Tingkatan 4 – 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Lufti Abas (1987), 'Pengajaran Bahasa Melayu dengan Menggunakan Karya Sastera'. *Kertas Kerja* dalam Seminar Bahasa dan Sastera dalam Pendidikan Ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mukerjee, C. (1971). *The Social Function of Art*, Westport: Connecticut Greenwood Press.
- Plumber, Ken (1997). *Studying Culture; An Introduction Reader*, London:: Hodder Headline Group.
- Richards A.J. N. (1981). *An Iban-English Dictionary*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Swingewood, A. (1972). "Theory" dlm Laurenson & Swingewood, *The Sociology of Literature*, London: Paladin Press